

219 pelajar UMSKAL kembali ke kampus

UB 20.10.2021 P. 06

LABUAN: Seramai 219 pelajar Universiti Malaysia Sabah Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) kembali semula ke kampus secara fizikal bagi sesi 2021/2022.

Pemangku Pengarah UMSKAL Prof. Madya Dr. Mohamad Rizal Abdul Hamid berkata, dalam tempoh fasa pertama bermula 15 sehingga 31 Oktober ini, seramai 219 pelajar akan balik semula ke dalam kampus secara berperingkat.

Katanya, kemasukan semula pelajar melibatkan enam kategori pelajar berkeperluan bagi membolehkan mereka mengikuti pembelajaran dan pengajaran (PdP) secara hibrid iaitu secara fizikal dan atas talian.

Menurutnya, tindakan itu dilaksanakan seperti yang diumumkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi sebelum ini yang memerlukan kemudahan dalam kampus seperti WiFi.

Beliau ditemui selepas

menyantuni kemasukan pelajar berkeperluan Semester I Sesi 2021/2022 di Kolej Kediaman Beta UMSKAL di sini Sabtu lepas.

"Pendaftaran hari ini semua berjalan lancar dan prosedur kemasukan juga perlu diikuti termasuk pelajar perlu membuat ujian calitan COVID-19 dan akan diasingkan sekiranya mempunyai gejala bagi mengelak penularan jangkitan," katanya.

Rizal berkata, ketika ini UMSKAL mempunyai seramai 1,908 pelajar yang membabitkan pelajar Tahun 1 seramai 459, Tahun 2 (436), Tahun 3 (402), Tahun 4 (483), dan Tahun 5 ke atas seramai 128 pelajar.

Dalam pada itu katanya, seramai 459 pelajar baharu melanjutkan pengajian di Fakulti Kewangan Antarabangsa Labuan (FKAL) dan Fakulti Komputeran dan Informatik (FKI) bagi Sesi Akademik 2021/2022.

Menurutnya, sejurus tiba di Lapangan Terbang Labuan dan Terminal Feri Antarabangsa Labuan, para pelajar disambut kakitangan Sektor Hal Ehwal Pelajar dan Pembimbing Suai Mesra (PSM) dan menjalani saringan kesihatan di Klinik Rawatan Warga UMSKAL.

"Pihak pengurusan UMSKAL mengalu-alukan kedatangan pelajar berkeperluan yang datang dari Sabah, Sarawak dan Semenanjung bermula 15 hingga 31 Oktober 2021.

"UMSKAL mengucapkan terima kasih dan merakamkan penghargaan kepada semua pegawai, kakitangan dan PSM yang membantu melancarkan pergerakan kemasukan pelajar berkeperluan Sesi 2021/2022," katanya.

Turut hadir, Pengetua Dr. Hadzariah Ismail; Penolong Pendaftar Kanan Norhazizah Adnan dan Ketua Sektor Hal Ehwal Pelajar Nur Iman Reedzal.



SAMBUT: Mohamad Rizal (kanan) menyambut kemasukan pelajar baharu UMSKAL.



SARINGAN: Pelajar berkeperluan menjalani saringan kesihatan di Klinik Rawatan Warga UMSKAL semalam.